

SOALAN NO: 397

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BERTULIS
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: BERTULIS

DARIPADA: YB TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI

SOALAN:

Tuan Zairil Khir Johari [bukit bendera] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan gaji penengah terkini bagi pekerja malaysia, dipecahkan mengikut kaum.

PR-1352-T00976

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Berdasarkan Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, penengah gaji dan upah bulanan pekerja bagi penduduk warganegara Malaysia pada tahun 2016 adalah sebanyak RM2,000. Penengah gaji kaum Bumiputra adalah sebanyak RM1,931, penengah gaji bagi kaum Cina adalah sebanyak RM2,350, penengah gaji kaum India adalah sebanyak RM1,790 dan penengah gaji bagi kaum lain-lain adalah sebanyak RM1,515.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : YB TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI
[BUKIT BENDERA]**

SOALAN :

YB TUAN ZAIRIL KHIR JOHARI [BUKIT BENDERA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pendapatan isi rumah penengah bagi keluarga-keluarga Malaysia, dipecahkan mengikut kaum.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah (HIS) merupakan penyiasatan berkala yang dilaksanakan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia dengan kekerapan dua kali bagi setiap lima tahun. Tujuan utama penyiasatan ini adalah untuk mengumpul pola taburan pendapatan isi rumah dan juga bagi mengenal pasti golongan isi rumah miskin. HIS merupakan penyiasatan secara sampel yang meliputi negeri serta kawasan bandar dan luar bandar.

Penemuan penyiasatan yang terkini HIS adalah pada tahun 2014. Manakala penyiasatan yang terkini sedang dijalankan adalah pada tahun 2016 di mana aktiviti pengumpulan data di lapangan bermula pada Mei 2016 dan berakhir pada April 2017. Penemuan daripada HIS tahun 2016 dijangka akan dikeluarkan pada Oktober 2017. Berdasarkan kepada penemuan HIS tahun 2009, 2012 dan 2014, pendapatan isi rumah kasar bulanan penengah bagi kumpulan etnik Bumiputera tumbuh pada kadar purata tahunan sebanyak 12.5 peratus lebih tinggi berbanding kumpulan etnik Cina dan India bagi tempoh 2012 dan 2014.

Sekian, terima kasih.

7 Ogos 2017